



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545
Faks : 603-8889 5542
E-mail : hasar@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 42/2011 (16 hingga 22 Oktober 2011)

Pada minggu ke-42 tahun 2011 iaitu bagi tempoh 16 hingga 22 Oktober, sejumlah 369 kes demam denggi dan satu kematian telah dilaporkan, meningkat sebanyak 29 kes berbanding dengan 340 kes dengan dua kematian pada minggu sebelumnya. Terdapat 8 buah negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu lepas iaitu Selangor yang meningkat sebanyak 12 kes (9%), Johor 8 kes (36%), Kelantan 7 kes (64%), WP Kuala Lumpur / Putrajaya 5 kes (11%), Kedah 3 kes (75%), Perak 3 kes (10%), Sabah 2 kes (33%), dan N.Sembilan meningkat sebanyak 1 kes (8%) (Lampiran A). WP Kuala Lumpur / Putrajaya telah menunjukkan peningkatan kes sejak 4 minggu berturut-turut.

Pada tahun 2011 iaitu dari Januari hingga 22 Oktober, sebanyak 15,893 kes dilaporkan, penurunan sebanyak 60% atau 24,259 kes berbanding dengan 40,152 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2010. Bagi tempoh yang sama, sebanyak 27 kematian akibat demam denggi dilaporkan, menurun sebanyak 77% berbanding 118 kematian pada tahun 2010.

Pada minggu lepas, terdapat satu kematian demam denggi dilaporkan di Pulau Pinang yang melibatkan seorang suri rumah berusia 43 tahun. Pesakit ini yang juga mempunyai sejarah penyakit lain telah mendapatkan rawatan di Hospital P.Pinang akibat demam dan terus dimasukkan ke wad pada hari yang sama. Setelah lima hari dirawat, beliau dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) untuk rawatan lanjut, namun meninggal dunia keesokan harinya dengan sebab kematian Demam Denggi Berdarah. Hasil dari pemeriksaan di kawasan kediaman pesakit mendapati banyak tempat pembiakan Aedes ditemui dan kompaun RM500 telah dikeluarkan terhadap pemilik premis. Aktiviti kawalan iaitu semburan kabus telah dijalankan secara menyeluruh di sekitar kawasan tersebut bagi memastikan tiada lagi jangkitan demam denggi berlaku.

Sejumlah 69 lokaliti wabak denggi dipantau di seluruh negara, meningkat 10 berbanding 59 lokaliti pada minggu sebelumnya. Terdapat empat (4) lokaliti *hot spots* berlaku dengan 47 kes dilaporkan, satu lokaliti dari Selangor iaitu Flat Pandan Perdana di daerah Hulu Langat serta tiga lokaliti dari WP Kuala Lumpur iaitu Bintang Mas Condo di zon Cheras, Correnthian Condo di zon Pusat Bandar dan Kolej ke 12 Universiti Malaya di zon Klang Lama (Lampiran B).

Pada 22 hingga 23 Oktober 2011, satu Majlis Konvensyen COMBI peringkat kebangsaan yang julung-julung kali diadakan, telah berlangsung secara besar-besaran di Subang, Selangor. Konvensyen ini melambangkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti pencegahan denggi di mana semua lapisan masyarakat mengembleng tenaga dan bersatu padu bersama-sama dengan agensi kerajaan, swasta mahupun Badan Bukan Pertubuhan Kerajaan (NGO) bagi memerangi

denggi. Sehingga kini, sebanyak 2,177 projek COMBI ditubuhkan oleh komuniti sendiri, yang mana 208 daripadanya dilaksanakan oleh NGO. Peningkatan jumlah projek COMBI lebih dari 1000 lokaliti pada tahun 2010 serta peranan aktif masyarakat dalam pencegahan denggi adalah kunci utama mengawal denggi serta kematian yang diakibatkan olehnya.

Walaupun pihak Kesihatan ada menjalankan aktiviti kawalan seperti semburan kabus, masyarakat perlu diingatkan, semburan kabus semata-mata tidak dapat menghapuskan nyamuk Aedes secara keseluruhan selagi punca pembiakan seperti tin-tin kosong, tayar terbuang, bekas makanan dan lain-lain takungan masih dibiarkan mempunyai jentik-jentik Aedes. Memandangkan tren peningkatan kes yang terus meningkat sejak beberapa minggu kebelakangan ini, ditambah dengan faktor cuaca yang tidak menentu dan sering berlaku hujan, cara yang paling mudah dan berkesan untuk menghapuskan semua tempat pembiakan tersebut adalah dengan menjalankan dan mempertingkatkan aktiviti gotong-royong terutama di kawasan persekitaran yang tidak bersih dan bermasalah denggi.

DATO' SRI DR HASAN ABDUL RAHMAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

27 Oktober 2011

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 41/2011
(16 hingga 22 Oktober 2011)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 42/2011	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 42/2010
		Minggu 42 (16 – 22 Okt 2011)	Minggu 41 (9 – 15 Okt 2011)		
1	Perlis	2	2	90	180
2	Kedah	7	4	380	657 (3)
3	P. Pinang	9 (1)	10	1,384 (3)	1,407 (5)
4	Perak	32	29	1,047 (2)	1,939 (6)
5	Selangor	153	141 (1)	6,080 (7)	14,538 (40)
6	WPKL & Putrajaya	51	46 (1)	1,571 (2)	3,696 (6)
7	N. Sembilan	14	13	621 (3)	1,418 (7)
8	Melaka	9	13	330	1,172 (11)
9	Johor	30	22	1,330 (5)	3,703 (10)
10	Pahang	16	18	762 (1)	1,261 (3)
11	Terengganu	10	11	554 (1)	1,184 (2)
12	Kelantan	18	11	593 (1)	3,258 (11)
13	Sarawak	10	14	792	3,829 (13)
14	Sabah	8	6	350 (2)	1,894 (1)
15	WP Labuan	0	0	9	16
	MALAYSIA	369 (1)	340 (2)	15, 893 (27)	40,152 (118)

Nota: () Kematian

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU
42 BAGI TAHUN 2011**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Pandan Perdana	10	40
2	WPKL	Cheras	Bintang Mas Kondo	11	44
3	WPKL	Pusat Bandar	Corenthian Kondo	9	41
4	WPKL	Klang Lama	Kolej ke 12 Universiti Malaya	17	34